

14 MAR 1999

PEMBANGKANG PERLU BERSATU UNTUK BERDEPAN DENGAN BN, KATA DR SYED HUSIN

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri Sabah menunjukkan bahawa parti itu masih kuat dan tidak boleh dicabar secara berkesan kecuali parti-parti pembangkang bersatu, kata Parti Rakyat Malaysia.

Presidennya, Dr Syed Husin Ali berkata pembangkang perlu membuat persediaan untuk menghadapi cabaran BN, perlu bekerja dengan lebih kuat dan tidak boleh mengambil mudah.

Katanya keputusan pilihan raya Sabah akan meningkatkan perpaduan dan keyakinan BN untuk menghadapi pilihan raya umum dan juga menggugat kedudukan mereka dalam Umno yang masih menyokong bekas Timbalan Perdana Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam satu kenyataan hari ini, Dr Syed Husin berkata kemenangan di Sabah itu akan menjadi faktor positif kepada pengiraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengadakan pilihan raya umum lebih awal.

BN memenangi 31 kerusi pada pilihan raya negeri Sabah manakala Parti Bersatu Sabah (PBS) meraih yang 17 lagi.

Presiden Penaja Angkatan Perpaduan Insan Malaysia, Ramli Abdullah berkata kemenangan itu menunjukkan segala tohmahan yang dilemparkan oleh individu-individu sama ada dalam atau luar negeri tidak memberi kesan atau mempengaruhi rakyat Malaysia.

Katanya, ini membuktikan rakyat Malaysia masih memerlukan kepimpinan BN dan tidak mudah terpengaruh dengan dakwah mana-mana pihak.

-- BERNAMA

AR WAT